

Muara sungai semakin cetek

100 nelayan sukar bawa hasil tangkapan ke darat di Kuala Sungai Baru

Oleh Ariffin Salleh

bhnews@bharian.com.my

● MOHD JAMAH NASRI | BERITA HARIAN

ALOR GAJAH: Lebih 100 nelayan di daerah ini yang menggunakan jeti nelayan muara Kuala Sungai Baru dekat sini, menghadapi masalah membawa hasil tangkapan kerana muara sungai itu semakin cetek, menyebabkan bot tidak dapat memasuki jeti.

Masalah dihadapi itu menyebabkan nelayan menanggung kerugian kerana terpaksa memunggah hasil tangkapan menggunakan bot kecil untuk membawa hasil ke jeti berkenaan kerana kegagalan bot besar memasuki jeti.

Keadaan bertambah buruk apabila batu kerikil yang disusun di pinggir muara Kuala Sungai Baru itu runtuh, sekali gus menyebabkan air menjadi semakin kotor.

Ahli Lembaga Persatuan Nelayan Kawasan Melaka Barat (PNKMB), Mohd Nor Che Mat, berkata banyak sampan dan bot tersadai di jeti itu tanpa meraih hasil laut, malah nelayan juga terpaksa menanggung kerugian beribu ringgit.

“Pelbagai aduan dan permohonan sudah kami lakukan untuk membantu rakan di sini, namun sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil, malah keadaan muara sungai semakin teruk dan menjejaskan kerja kami.

“Kebanyakan nelayan dan pengusaha bot laut dalam yang menggunakan bot seberat lebih 40 tan ini terpaksa menggunakan bot lebih kecil bagi mengelak tersekat di muara sungai, tetapi enjin bot tetap tersangkut,” katanya.

Sentral difahamkan, selepas kerja pembersihan dilakukan di kawasan



SEBAHAGIAN nelayan menolak bot mereka setiap kali melalui muara sungai yang cetek di Kuala Sungai Baru.

itu sejak enam bulan lalu, keadaannya tidak membawa sebarang perubahan, malah kuantiti pasir semakin bertambah termasuk batu kerikil.

Selain itu, nelayan turut mendakwa, permohonan pengubahsuaian muara sungai terbabit sudah dikemukakan sejak 31 tahun lalu dan

setiap kali itu juga, mereka menerima jawapan sama iaitu diminta mencuci sungai itu tanpa menerima sebarang peruntukan.

Mohd Nor berkata, beliau berharap ada pihak mengambil perhatian terhadap masalah dihadapi itu dengan membina benteng pemecah ombak menghala ke arah laut dan bukannya

mengorek muara sungai setiap tiga bulan sekali.

“Pembinaan benteng pemecah ombak walaupun kosnya tinggi, boleh bertahan lama, berbanding mengorek muara sungai kerana tidak sampai sebulan, ia kembali cetek dan ini mengganggu aktiviti harian nelayan,” katanya.